

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)28

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

28. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk merancang dan mempercepatkan proses naik taraf ataupun pembinaan semula Pasar Pulau Tikus? Ini adalah kerana walaupun jawapan pada DUN yang lepas menyatakan bahawa pasar tersebut masih dalam keadaan yang memuaskan, infrastruktur pasar sudah lama dan bangunan pasar tidak dapat diperbesarkan lagi untuk penjaja baru.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan pembinaan tempat letak kereta baru di kawasan persekitaran pasar tersebut? Ini adalah untuk persediaan sebelum peningkatan pengunjung pasar.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf atau membina semula pasar Pulau Tikus. Namun demikian, kerja-kerja penyelenggaraan dan pemantauan dilakukan dari masa ke semasa bagi memastikan

pengoperasian pasar Pulau Tikus berada dalam keadaan baik dan selamat untuk peniaga-peniaga dan pengunjung pasar.

(a) Pihak MBPP sedang meneliti dan mengkaji kesesuaian untuk mewujudkan tempat letak kereta baru di sekitar kawasan pasar untuk kemudahan pengunjung.